

Periksa mamogram tak sakit

Metro 24/3/14 MS 14.

Mesin baru Tomosintesis beri keputusan
tepat dengan bentuk tiga dimensi



MESIN digital payudara Tomosintesis mampu mengubah persepsi wanita mengenai mamogram.

Oleh Siti Zarinah Sahib

sitizarinah@media-
prima.com.my

Walaupun sudah mencecah usia 45 tahun, Aishah Hamid (bukan nama sebenar) tidak pernah menjalani mamogram disebabkan terpengaruh dengan cakap-cakap rakan yang mengatakan pemeriksaan ini menyakitkan. Tambahan pula mendengar cerita mereka mengenai kaedah rawatan yang memerlukan payudara dihimpit menggunakan alat khas untuk mendapatkan imej, menjadi trauma kepada kaum Hawa untuk melaluinya.

Ada pula kata-kata nakal yang memberitahu pemeriksaan ini tidak semestinya tepat dan perlu dijalani semula sekiranya keputusan tidak menunjukkan sebarang tanda. Sudah pasti beberapa pandangan yang diutarakan menimbulkan rasa takut atau kurang selesa terutama mereka yang berhasrat menjalani mamogram di hospital.

Kajian klinikal yang pernah dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan terdapat peningkatan sehingga 40 peratus pesakit kanser payudara yang menjalani ujian pengesanan awal, namun tidak menunjukkan sebarang tanda menghidap kanser. Ini berpunca daripada mesin mamografi yang digunakan ketika itu sangat terhad bagi mengesan pembentukan sel kanser terutama bagi wanita muda dan individu yang memiliki payudara padat.

Kajian dijalankan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 2009 pula men-



AMIRUDDIN

dapati pesakit agak lambat menjalani pemeriksaan awal payudara dan kebanyakan mereka datang selepas tahap tiga dan empat. Kajian ini juga mendapati 5.8 peratus wanita tidak menjalani sebarang rawatan selepas disahkan mendapat kanser payudara.

Walaupun mamogram disarankan kepada wanita berumur 35 tahun ke atas, prosesnya mungkin agak menyakitkan bagi sesetengah individu. Ini kerana payudara perlu ditekan (dihimpit secara mendatar) untuk mendapatkan imej yang baik dalam dua dimensi (2D). Dalam pada itu ramai pula berharap adanya teknologi pengesanan awal kanser payudara yang lebih mudah dan tidak menyakitkan.

Kehadiran Mesin Digital Payudara Tomosintesis tentunya memberi nafas baru kepada wanita apabila semua bayangan mengenai kesakitan atau ketidaktepatan keputusan pemeriksaan dapat dikurangkan atau tiada langsung.


Menggunakan teknologi yang lebih canggih, imej mamogram boleh diambil

dalam bentuk tiga dimensi (3D) yang keputusannya lebih jitu dan dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Lebih penting, ia tidak lagi menyakitkan dan dikatakan amat tepat sehingga tiada pengesanan atau tindakan susulan diperlukan selepas itu. Jika ada, hanya membabitkan peratusan yang sangat kecil.

Menurut Pengarah Pemasaran Hologic Asia Pasifik Eddy Sun yang bertanggungjawab memperkenalkan mesin digital ini di Malaysia, sebagai peneraju bagi penjagaan kesihatan wanita, kehadiran mesin Tomosintesis bertujuan membantu dalam menjelaskan mengenai isu kesihatan.

Menjadi antara hospital swasta pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan ini, mesin Tomosintesis yang direka Dr Kopans dan kumpulannya dari Hospital Besar Massachusetts (MGH) Amerika Syarikat mula digunakan di MGH pada 1998.

Menariknya mesin ini mampu menghasilkan imej 3D payudara daripada pelbagai sudut dan paling penting mampu memaparkan imej tisu payudara dengan lebih jelas.



SINARAN-X berupaya merakamkan keseluruhan tisu payudara dalam masa satu saat.

pada payudara. Semua wanita digalakkan untuk mengenali bentuk dan saiz payudara mereka supaya perubahan yang berlaku dapat dikesan dengan cepat. Jika terdapat perbezaan seperti yang disebutkan, wanita dinasihatkan berjumpa doktor untuk pemeriksaan selanjutnya bagi membuktikan jenis ketulan dan rawatan sepatutnya.

Kebiasaannya wanita berusia 40-an ke atas dinasihatkan menjalani mamogram iaitu saringan sinar-X yang dilakukan untuk mengesan peringkat awal kanser payudara. Mamogram dapat mengesan kanser payudara pada peringkat paling awal iaitu sebelum ketumbuhan dapat dirasai dalam payudara.

Ia juga berkesan meneliti kesihatan umum payudara. Berbanding imbasan bunyi dijalankan pakar radiologi hanya boleh mengesan ketumbuhan yang berada pada peringkat kedua.

"Mamogram dijalankan oleh juru sinar-X wanita mengambil masa selama 10 minit hingga 30 minit. Apa yang dilakukan, wanita perlu mendedahkan bahagian dada kemudian payudara akan diletakkan di antara

gesan sebarang kegajilhan pada payudara seperti salur darah, salur susu, lemak dan ligamen. Semua struktur ini akan menunjukkan ukuran serta ketebalan berbeza apabila dilihat menerusi mamogram konvensional namun dengan penggunaan mesin ini, setiap helaian tisu dapat dirakamkan sehingga tiada kebarangkalian untuk tertinggal walau hanya satu atau dua tisu yang kelihatan ganjil atau berbeza. Ini mengelak pesakit untuk datang semula menjalani pemeriksaan kedua.

● Teknologi terkini ini membolehkan pemeriksaan awal payudara dijalankan dengan lebih mudah dan cepat. Ia juga mampu mengurangkan ketakutan kepada wanita untuk menjalani pemeriksaan terutama mereka yang mempunyai kebarangkalian mendapat kanser.

Semua wanita seharusnya mempunyai kesedaran untuk melakukan pemeriksaan tanpa rasa takut.

Kanser semakin meningkat

Menurut Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad meran-

“Keadaan ini membolehkan pakar radiologi meneliti setiap lapisan tisu yang diimajinasi. Imej juga boleh diimbas daripada pelbagai sudut berbanding dengan mesin mamogram 2D lama yang hanya boleh mengimbas secara atas ke bawah atau kiri ke kanan saja,” katanya ketika berucap di majlis pelancaran mesin berkenaan yang diadakan di Hospital Pakar KPJ Selangor.

Menerusi mamogram 3D Tomosintesis, pakar radiologi dan doktor sudah boleh mengesahkan kehadiran sel kanser atau tidak, sekali gus mengimbas visualisasi yang lebih tepat dan lengkap bagi memudahkan proses diagnosis kanser payudara. Keadaan ini sekali gus memberi keyakinan kepada wanita menjalani pemeriksaan pada masa akan datang.

“Kehadiran mesin ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita mengenai pentingnya membuat pemeriksaan payudara. Kalau sebelum ini mamogram 2D menyakitkan, mesin ini menghilangkan rasa sakit dan takut,” katanya.

Ini diakui Pakar Bedah Am Payudara Hospital Pakar KPJ Selangor Dr Sujatha Narayanan yang menjelaskan, ketepatan diagnosis dengan mesin tomosintesis dapat mengurangkan bilangan pesakit yang dipanggil semula untuk pemeriksaan lanjut. Berbanding mamogram 2D, pesakit memerlukan pemeriksaan susulan seperti mamogram pada arah berlainan atau pemeriksaan imbasan



AMIRUDDIN bersama Shariffa Sabrina pada majlis pelancaran mesin digital payudara Tomosintesis di KPJ Selangor, baru-baru ini.

bunyi (ultrabunyi) bagi memastikan kehadiran sel kanser adalah positif. Proses ini bukan saja lambat tetapi membazirkan masa dan wang.

“Keadaan ini berlaku kerana imej imbasan yang diterima menggunakan mesin mamogram 2D adalah leper manakala imej terhasil sering menimbulkan kekeliruan dengan imej mimik kanser dan kelenjar susu. Dengan sekali imbasan oleh mesin, 3D Mamogram Tomosintesis, kehadiran sel kanser dapat dipastikan sekali gus meningkatkan pengesanan awal kanser,” kata Sujatha.

Jelasnya, kanser payudara terjadi apabila sel normal payudara bertukar struktur dan merebak. Ia menjangkiti tisu dan bahagian lain yang berdekatan seperti kelenjar atau lobul, pembuluh darah,

salur limfa dan nodus limfa. Kebiasaannya tumor terbentuk kerana pengumpulan sel abnormal. Semua jenis tisu di dalam payudara boleh membentuk kanser tetapi biasanya ia bermula di dalam kelenjar atau duktus.

Sebelum seseorang itu menjalani pemeriksaan payudara, terdapat beberapa tanda yang boleh dikenal pasti antaranya:

1. Ketulan dalam payudara. Tanda ini paling lazim dalam kalangan wanita yang menghidap kanser payudara. Ketulan itu tidak menimbulkan kesakitan dan biasanya disadari secara tidak sengaja seperti semasa mandi atau semasa pemeriksaan sendiri payudara. Kadang-kadang ketulan disadari orang lain seperti suami

atau doktor yang memeriksa payudara. Lazimnya ketulan terdapat pada bahagian atas luar payudara. Kanser juga berlaku pada bahagian tengah atau atas dan dalam payudara tetapi pada kadar yang rendah.

2. Terdapat ketulan kelenjar yang membesar di bahagian ketiak.

3. Terdapat cairan seperti darah atau nanah yang keluar daripada puting payudara.

4. Terdapat perubahan pada kulit payudara. Perubahan yang perlu diperhatikan ialah kulit menyerupai kulit limau oren yang berlubang kecil. Keadaan ini menandakan kanser merebak dan berkemungkinan besar saluran limfa sudah tersumbat.

5. Perubahan bentuk payudara juga boleh menandakan terdapat sel kanser

dua plat yang terdapat pada mesin.

“Plat ini akan bergerak menghimpit payudara sehingga imej dapat dirakamkan. Selepas itu dedahan sinar-X akan dibuat. Dua keping filem sinar-X akan diambil bagi setiap sebelah payudara melalui sudut berlainan. Pemeriksaan mamogram adalah selamat kerana radiasi di tahap sangat rendah,” katanya yang menasihati wanita berumur 35 hingga 40 tahun supaya menjalani pemeriksaan mamogram sekali dalam tempoh lima tahun manakala wanita 40-an perlu membuat pemeriksaan sekali dalam tempoh setahun.

Kebaikan Mamogram 3 Dimensi Tomosintesis

Proses mamogram ini tidak lagi menyakitkan. Mesin ini sangat berbeza kerana teknologi yang digunakan sangat mesra pengguna dan tidak rumit untuk dikendalikan.

● Gambar yang terhasil lebih baik dan jelas berbanding dulu. Dengan sekali tekanan, sebanyak 15 imej boleh dihasilkan berbanding mesin konvensional mamogram iaitu terhad kepada dua imej untuk setiap dua tekanan.

● Analogi penghasilan mesin ini sama seperti sebuah buku yang mampu dilihat helaian demi helaian. Ketika mamogram 3D dilakukan, sinar-X akan merakamkan keseluruhan tisu dalam payudara dalam hanya satu saat.

● Keadaan ini dapat men-

gkap Pengerusi Hospital Pakar KPJ Selangor Amiruddin Abdul Satar, hospital terbabit membuat pelaburan dengan membeli mesin digital payudara Tomosintesis, sekali gus memperkenalkan perkhidmatan awal mengesan kanser payudara berteknologi Selenia Dimensions yang membolehkan pengimejan payudara melalui kaedah tiga dimensi.

Teknologi ini selari dengan falsafah hospital untuk memberi perkhidmatan dan berkongsi teknologi terkini dengan masyarakat terutama wanita bagi menjalani pemeriksaan itu.

“Menerusi mesin digital ini, kami menjangkakan lebih ramai wanita tampil menjalani pemeriksaan awal payudara sekali gus mengurangkan kadar kematian di Malaysia.

“Ini kerana dalam persidangan Hari Kanser Sedunia 2014 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam mendedahkan pada 2008, jumlah pesakit kanser hanya 32,000 saja tetapi meningkat pada 2013 dengan 38,000 kes. Negara kini menjangkakan pesakit kanser meningkat kepada 57,000 kes menjelang 2025,” katanya.

Turut hadir pada majlis pelancaran, Presiden Yayasan Badan Kesihatan & Sukan Wanita Malaysia Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil dan Pengarah Pemasaran Hologic Asia Pasifik Eddy Sun.